

Rujukan : LPIPM: SPN/BPKB/01/1/4 (3)
Tarikh : 28 Mei 2024



Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
IBU PEJABAT
Tingkat 11, CIDB 520
The MET Corporate Towers
No. 20, Jalan Dutamas 2, 50480 Kuala Lumpur
Careline: +603 5567 3300
E: www.cidb.gov.my

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan

Pemakluman Berkenaan Pemberhentian seketika Proses Pengeluaran *Certificate of Approval (COA)* melalui sistem ePermit.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam proses menambahbaik sistem ePermit bagi memastikan pengeluaran *Certificate of Approval (COA)* yang lebih lancar.

3. Berikutan dengan itu, sistem ePermit akan dihentikan pengoperasian seketika pada **10 Jun 2024 (Isnin) jam 5.00 petang** oleh pihak Dagangnet untuk tujuan penambahbaikan sistem. Bagi memastikan kelancaran proses ini, semua permohonan COA yang dihantar pada 6 Jun 2024 (Khamis) selepas jam 12.00 tengah hari tidak akan diproses bagi membolehkan semua permohonan COA diselesaikan pada 10 Jun 2024 sebelum jam 5.00 petang. Berikut adalah ringkasan perancangan yang boleh dijadikan panduan oleh pihak tuan/puan.

Bil.	Butiran	Tarikh jadual
1.	Tarikh akhir pihak CIDB menerima permohonan COA (verifikasi di Pelabuhan)	4 Jun 2024
2.	Tarikh Verifikasi akhir di pelabuhan	5 Jun 2024
3.	Tarikh akhir pihak CIDB menerima permohonan COA (Kaedah Akujanji) dan COA (Pengecualian) melalui sistem ePermit	6 Jun 2024 (selewatnya jam 12 tengah hari).
4.	Tarikh akhir kelulusan COA/COA Khas/Pengecualian.	10 Jun 2024

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan dimohon untuk merancang permohonan COA lebih awal bagi mengelakkan kelewatan pengeluaran COA. Sebarang pertanyaan lanjut pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai kami Puan Ezza Hanum di talian 03-62067640, En Azizzul di talian 03-62067646, En Muammar Hafiz di talian 03-62067638, En Umar Abd Aziz di talian 03-62067636 atau Puan Sofi Aida di talian 03-62067645.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BINA SEMPURNA"

Sr NAZIR MUHAMAD NOR
Pengurus Besar
Bahagian Standard dan Bahan Binaan
b.p Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia